

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 6 APRIL 2017

RUJUKAN : 9717

SOALAN:

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan daripada pihak
kementerian berkenaan kenderaan sedia ada yang digunakan oleh
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah usang dan membantutkan
tugas kakitangan AADK terutamanya di kawasan luar bandar.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) kini dalam proses melupuskan kenderaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang telah usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Usaha untuk penggantian kenderaan AADK telah dibuat dan permohonan peruntukan telah dipanjangkan untuk pertimbangan kelulusan oleh Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. AADK sentiasa bekerjasama dengan Jabatan dan Agensi Kerajaan lain seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan aset Kerajaan.